

## **KOPERASI POLITEKNIK SABAK BERNAM BERHAD**

### **PEKHIDMATAN KOOPARCEL**

#### **PENGENALAN**

KOOParcel merupakan Perkhidmatan Penerimaan Mel & Kurier adalah satu perkhidmatan penerimaan mel(bukan rasmi), kurier, bungkusan, dan lain-lain item daripada syarikat-syarikat kurier yang dialamatkan ke dalam kawasan Politeknik Sultan Idris Shah.

#### **PERKHIDMATAN DITAWARKAN**

Pada masa ini, KOOParcel menawarkan perkhidmatan serahan di kaunter Perkhidmatan Serahan Kaunter adalah satu perkhidmatan penerimaan mel dan kurier atau barang atau hadiah atau barang pelajar atau warga kampus daripada Poslaju atau syarikat kurier yang ingin menyerah barang tersebut kepada penerima didalam kawasan Politeknik Sultan Idris Shah. KOOParcel sebagai wakil penerima dalam kampus yang dilantik oleh pihak pengurusan PSIS untuk menerima barang serta item pelajar serta warga kampus sebagai wakil penerima. Untuk menggunakan perkhidmatan ini pelanggan akan dikenakan surc妖 perkhidmatan dan surc妖 penyimpanan.

#### **WAKTU PERKHIDMATAN**

KOOParcel dibuka pada setiap hari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum) mengikut waktu berikut:

Waktu serahan: 4.15 sehingga 6.15 petang

#### **CAJ**

Setiap parcel yang menggunakan perkhidmatan KOOParcel akan dikenakan caj perkhidmatan dan caj penyimpanan seperti berikut:

<b>Jenis Barang</b>	<b>Caj Perkhidmatan (RM)</b>	<b>Caj Penyimpanan</b>
<b>Dokumen</b>	RM0.50	Tiada
<b>Bungkusan kecil (&lt;1kg)</b>	RM1.00	RM1.00/hari
<b>Bungkusan sederhana (&lt;5kg)</b>	RM2.00	RM1.00/hari
<b>Bungkusan besar (&gt;5kg)</b>	RM3.00	RM1.00/hari

Penerima perlu mematuhi syarat berikut:-

1. Penerima dimohon untuk menggunakan alamat yang lengkap (contoh alamat kuarters/nombor bilik Kamsis) bagi memudahkan pihak Poslaju/Kurier membezakan dengan dokumen rasmi yang dialamatkan kepada Politeknik Sultan Idris Shah.
2. Menyemak penerimaan parcel ke KOOPparcel melalui sistem e-parcel di laman web rasmi PSIS (<http://www.psis.edu.my/index.php/aplikasionalinemu-sistemdalaman-g2b/aplikasionalinemu-eparcel>)
3. Penerima perlu menyediakan bayaran yang mencukupi kepada kaunter KOOPparcel sebelum serahan dilakukan oleh pihak kami.
4. Caj penyimpanan hanya dikenakan bagi barang yang tidak dituntut pada hari barang diterima. Contoh: Jika barang kategori bungkusan kecil diterima pada hari Isnin, surc妖 perkhidmatan RM1 dikenakan semasa barang diambil pada hari tersebut. Jika diambil pada hari Selasa, surc妖 yang dikenakan adalah surc妖 perkhidmatan RM1 + surc妖 penyimpanan RM1)
5. Hanya penerima yang namanya tertera di parcel sahaja boleh mengambil barang di kaunter. (penerima perlu menunjukkan kad pengenalan bagi mengesahkan perkara ini)
6. Bagi penerima yang bersetuju untuk mewakilkan penerimaan perlu mengisi borang kuasa wakil yang disediakan dan dilampirkan dengan salinan kad pengenalan.

## **TEMPOH TUNTUTAN PARCEL**

Bagi mengelakkan lambakan parcel yang tidak dituntut, KOOPparcel hanya akan menyimpan parcel dalam tempoh 3 hari selepas barang diterima. Barang yang tidak dituntut akan diserahkan semula kepada pihak Poslaju/Syarikat kurier dan penerima perlu menuntut barang tersebut kepada pihak berkenaan.

Contoh: Jika bungkusan penerima sampai pada hari Isnin, KOOPparcel akan menyimpan bungkusan tersebut sehingga hari Rabu. Pada hari Khamis, bungkusan akan diserahkan semula kepada pihak Poslaju/Syarikat Kurier.

## **TERMA & SYARAT**

1. KOOPparcel menyediakan perkhidmatan ini mengikut standard operasi di semua syarikat-syarikat pos dan kurier tempatan dan antarabangsa.
2. Pengeposan dokumen asal dan/atau rasmi (contoh: Kad Pengenalan, passpost, sijil kelahiran) adalah tidak digalakkan. Namun ianya menjadi tanggungjawab penghantar dan penerima jika berlaku kehilangan/kerosakan terhadap dokumen tersebut.
3. Pihak kami tidak akan melayan atau bertanggungjawab ke atas sebarang caj yang dikenakan kepada penerima.
4. Pihak kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan bungkusan yang dituntut oleh wakil yang diberikan kuasa untuk menuntut bungkusan tersebut.